

(Januari - April)
EDISI 1, 2025

POLIKU.EDU

e-buletin



Diterbitkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Politeknik Kuching Sarawak
KM22, Jalan Matang,
93050 Kuching, Sarawak.

No. Telefon: 082-845 596
No. Fax: 082-845 023

Laman sesawang: www.poliku.edu.my

Hakcikpta terpelihara.


Sebarang penerbitan semula buletin ini di dalam bentuk apa jua adalah
TIDAK DIBENARKAN kecuali dengan kebenaran bertulis dari pihak Politeknik
Kuching Sarawak.

KANDUNGAN

- 1 **Sorotan Utama**
ms 1 - 13
- 2 **Rangkuman Aktiviti PKS**
ms 14 - 20
- 3 **Aktiviti Jabatan**
ms 21 - 22

SOROTAN UTAMA

E-BULETIN POLIKU



SOROTAN UTAMA

PERTANDINGAN PKS SKILLS 2025 21 MAC 2025



Telah berlangsung Majlis Penutupan PKS SKILLS 2025 pada 21 Mac 2025 bertempat di Mini Auditorium, JKPK.

Terdapat tujuh bidang yang dipertandingkan iaitu:

1. Accounting
2. Geomatics
3. IT Network System Administration
4. IT Software Business
5. WEB Technology
6. Mechanical Engineering CAD
7. Refrigeration and Air Conditioning

Terima kasih diucapkan kepada para pelajar yang menyertai dan tahniah juga kepada pelajar-pelajar yang memenangi pertandingan PKS SKILLS 2025.

Tidak dilupakan juga ucapan tahniah dan terima kasih kepada para jurulatih bidang dan jawatankuasa yang membantu untuk menjalankan program PKS SKILLS 2025 ini dengan jayanya.

SOROTAN UTAMA

RIANG RIA BAZAAR JKPK: JOM MERIAHKAN 20 MAC 2025 HINGGA 21 MAC 2025



Riang Ria Bazaar anjuran Jabatan Kejuruteraan Petrokimia (JKPK) telah berlangsung selama dua hari bermula pada 20 Mac 2025 hingga 21 Mac 2025 bertempat di Ruang Parkir Perpustakaan Seri Kenyalang pada pukul 3:00 petang - 11:00 malam dengan pelbagai aktiviti menarik dan jualan makanan. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh En. Mohd Nezuan bin Othman, Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik).

RIANG RIA BAZAAR JKP: JOM MERIAHKAN



SOROTAN

UTAMA

LAWATAN ILMIAH KE SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) SARAWAK 21 MAC 2025




Seramai 38 pelajar Kursus Integriti & Antirasuah (MPU21072) bersama 11 pensyarah dari Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kuching Sarawak telah menyertai lawatan ilmiah ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sarawak. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada aktiviti luar bagi pelajar institusi pengajian tinggi yang mengikuti Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR). Program ini bertujuan untuk memperkenalkan SPRM serta menyemai budaya integriti dan kesedaran tentang bahaya rasuah dalam kalangan pelajar sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

Lawatan bermula dengan taklimat keselamatan oleh PKPs Irfan Naufal bin Ma'ui, Ketua Unit Keselamatan (KUK) SPRM Sarawak, di Lobi Kompleks Pejabat SPRM Sarawak, diikuti dengan sesi bergambar. Pelajar kemudian dibawa melawat dan diberikan penerangan mengenai fasiliti SPRM seperti Bilik VIR, lokap, dan Special Purpose Vehicle (SPV) SPRM.

Seterusnya, sesi taklimat SPRM berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama SPRM Sarawak, disampaikan oleh PKPs Abd Latif Bin Muhammad. Lawatan ini memberi pendedahan bermakna kepada pelajar mengenai peranan dan fungsi SPRM dalam usaha membanteras rasuah di Malaysia.

Diharapkan lawatan ini dapat menyemai nilai integriti dan kesedaran antirasuah dalam kalangan pelajar, sekali gus melahirkan generasi yang beretika dan bertanggungjawab.

LAWATAN ILMIAH KE SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) SARAWAK



SOROTAN

UTAMA

BENGKEL PENYEDIAAN JUADAH BERBUKA PUASA PELAJAR JKPK

20 MAC 2025




Sempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan, Jabatan Kejuruteraan Petrokimia (JKPK), Politeknik Kuching Sarawak telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Juadah Berbuka Puasa Pelajar JKPK dengan slogan :

"Sebening Kasih Ramadhan, Kasih Sejernih Hati, Rezeki Sama Dikongsi ".

Bengkel ini merangkumi aktiviti memasak dan mengagihkan makanan kepada pelajar, khususnya mereka yang memerlukan, sebagai tanda keprihatinan dan kebersamaan sepanjang bulan yang mulia ini. Selain itu, pihak JKPK turut menyediakan juadah berbuka puasa bagi menyemai semangat kesukarelawanan serta memperkuuh hubungan dalam komuniti.

Program ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar dan warga Politeknik Kuching Sarawak untuk berkongsi rezeki, tetapi juga mengeratkan silaturahim. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga segala amal kita diterima dan diberkati.

BENGKEL PENYEDIAAN JUADAH BERBUKA PUASA PELAJAR JKPK



SOROTAN UTAMA

IFTAR RAMADAN BERSAMA FAMILY JKM 19 MAC 2025



Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Kuching Sarawak telah menganjurkan Iftar Ramadan Bersama Family JKM, yang dirasmikan oleh Ketua Jabatan JKM, En. Rexca Jamit. Program ini bertujuan merapatkan hubungan antara pelajar dan warga kampus dalam suasana harmoni.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program, termasuk agihan juadah berbuka, pertandingan mewarna kanak-kanak, bermain bunga api, berbuka puasa bersama, solat berjemaah, dan sesi ramah mesra bersama komuniti PKS.

Lebih 200 orang hadir di Masjid Al-Muhandisin, menjadikan program ini sebagai peluang untuk mengeratkan hubungan dan memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan warga PKS.

IFTAR RAMADAN BERSAMA FAMILY JKM



Iftar



JKM



SOROTAN UTAMA

SESI TOWN HALL: SUARA PELAJAR, KE ARAH PENAMBAHBAIKAN 19 MAC 2025



Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) Politeknik Kuching Sarawak (PKS) telah menganjurkan Sesi Town Hall bersama Pengarah dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP). Program ini menghimpunkan kepimpinan kelab, persatuan, badan beruniform, jawatankuasa serta wakil kelas di PKS.

Sesi ini menjadi platform bagi pelajar menyuarakan usul, cadangan serta aduan berkaitan kelab, persatuan, jawatankuasa, dan kelas masing-masing secara langsung kepada pihak pengurusan tertinggi PKS. Ia juga membuka ruang dialog dua hala bagi memastikan kebajikan dan kepentingan pelajar terus diutamakan.

Melalui sesi ini, diharapkan setiap cadangan dan maklum balas yang dikemukakan dapat menjadi pemangkin kepada penambahbaikan berterusan demi kesejahteraan pelajar dan kecemerlangan PKS.

SESI TOWN HALL: SUARA PELAJAR, KE ARAH PENAMBAHBAIKAN



SUARA
PELAJAR,

Townhall

SUARA PELAJAR,
KE ARAH
PENAMBAHBAIKAN



SUARA
PELAJAR



SOROTAN UTAMA

LEBIHAN MAKANAN BAZAR RAMADAN EMART MATANG DISALURKAN KEPADA PELAJAR IPT 19 MAC 2025



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarawak, dengan kerjasama Emart dan Gerakan Pengguna Siswa (GPS), mengumpul lebihan makanan dan minuman yang tidak terjual di Bazar Ramadan Emart Matang untuk diagihkan kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang memerlukan.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada projek Malaysia Save Food Ramadan 2024 dengan sokongan Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia. Program ini bertujuan mengurangkan pembaziran makanan serta membantu pelajar yang terkesan dengan kos sara hidup.

Sebagai permulaan, Politeknik Kuching Sarawak (PKS) dipilih sebagai penerima manfaat projek ini. Makanan dan minuman yang dikumpul akan diagihkan terus kepada pelajar yang memerlukan.

Selain membantu golongan yang terkesan, inisiatif ini juga mempromosikan sistem pengurusan lebihan makanan yang lebih berkesan dan boleh dijadikan contoh di bazar Ramadan lain.

LEBIHAN MAKANAN BAZAR RAMADAN EMART MATANG DISALURKAN KEPADA PELAJAR IPT

Projek:

Malaysia Save Food Ramadan 2024




MALAYSIA SAVE FOOD

Promosi sistem pengurusan lebihan makanan yang lebih berkesan dan boleh dijadikan contoh di bazar Ramadan lain.





RANGKUMAN AKTIVITI PKS

E-BULETIN POLIKU



MAJLIS IFTAR PERDANA POLITEKNIK KUCHING SARAWAK (PKS) 2025
18 MAC 2025



MAJLIS KHAMAT AL-QURAN SEMPENA PROGRAM IHYA' RAMADAN TAHUN 2025
18 MAC 2025



SEKITAR SESI RAKAMAN TAKBIR HARI RAYA AIDILFITRI 2025 BERSAMA JK
PENGURUSAN PKS.
18 MAC 2025



SEKITAR SESI RAKAMAN TAKBIR HARI RAYA AIDILFITRI 2025 BERSAMA JK
PENGURUSAN PKS.
18 MAC 2025



SUMBANGAN IFTAR PUSPANITA KEPADA PELAJAR PKS 17 MAC 2025



SUMBANGAN IFTAR PUSPANITA KEPADA PELAJAR PKS
17 MAC 2025

IFTAR PUSPANITA



Dalam diamnya ada kekuatan,
dalam sopannya ada keberanian



SUMBANGAN IFTAR PUSPANITA KEPADA PELAJAR PKS
17 MAC 2025

IFTAR PUSPANITA

Collection




Dalam sifamnya ada kekuatan,



AKTIVITI JABATAN

E-BULETIN POLIKU



| APRIL 2025 | | | | |
|------------|----|---|----------------|--------------------|
| Tarikh | | Aktiviti | Pemilik Proses | Status Pelaksanaan |
| Selasa | 01 | HARI RAYA AIDILFITRI HARI KEDUA | | |
| Rabu | 02 | Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) dan Mesyuarat jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Bil.2/2025 | UKP | |
| Khamis | 03 | Bengkel Pengukuhan JK EKSA Bersama EKSA Champion | UJK | |
| Jumaat | 04 | | | |
| Sabtu | 05 | | | |
| Ahad | 06 | | | |
| Isnin | 07 | Young Leader Engagement Program (7-27 April 2025) | JKPK | |
| Selasa | 08 | Ujian Lisan MUET Sesi 1 Tahun 2025 | JPA | |
| | 08 | Sesi Housekeeping Data Pelajar dan Kaktangan - M365 | UICT | |
| Rabu | 09 | Ujian Lisan MUET Sesi 1 Tahun 2025 | JPA | |
| Khamis | 10 | Sharing Knowledge: Application of Building Information Modelling in Construction Industry. (IEEP) | JKA | |
| | 10 | Program Sukarela Bakti, Komuniti Prihatin | JTMK | |
| Jumaat | 11 | Program Bimbingan Usahawan Siswa | JKM | |
| | 11 | JMSK STEM Fun Challenge 1 | JMSK | |
| Sabtu | 12 | Lawatan Exco JPKK ke Rumah Warga Emas | UPA | |
| Ahad | 13 | | | |
| Isnin | 14 | E-Buletin Edisi 1, 2025 | UKK | |
| | 14 | Penilaian Best Room Award 2025 Blok A (Lelaki), Blok B (Lelaki) dan Blok C | UPA | |
| Selasa | 15 | Kursus Latihan Juruaudit Dalaman EKSA Tahun 2025 | UJK | |
| | 15 | Best Room Award 2025 Blok D,E dan F | UPA | |
| | 15 | Temuduga Kerjaya Graduan bersama Perkeso | CISEC | |
| Rabu | 16 | Mesyuarat Pengurusan Bil.4/2025 | UKP | |
| | 16 | Bengkel Pemantapan Auditor Dalaman PK&K Tahun 2025 | UJK | |
| | 16 | Best Room Award 2025 Blok A (Perempuan) dan Blok B (Perempuan) | UPA | |
| | 16 | Bengkel Pengurusan Sisa | SMARTGREEN | |
| Khamis | 17 | IEEP - Perkongsian Kepakaran Industri & Akademia | JTMK | |
| | 17 | Pengumuman Best Room Award 2025 | UPA | |
| | 17 | Clean Data Data SPMP | UICT | |
| Jumaat | 18 | GOOD FRIDAY | | |
| | 18 | Aktiviti Ilmiah Pelajar : Program Ummah Afiyah : Ke Arah Kesajahteraan Ummah (Hari Pertama) | JPA | |
| Sabtu | 19 | Ujian Bertulis MUET Sesi 1 Tahun 2025 | JPA | |
| Ahad | 20 | | | |

| PETUNJUK | | |
|----------|-------|---------------------------|
| PETUNJUK | WARNA | JUMLAH STATUS PELAKSANAAN |
| LAKSANA | GREEN | 42 |
| TANGGUH | BLUE | 13 |
| BATAL | RED | 0 |
| JUMLAH | | 55 |

| APRIL 2025 | | | | |
|------------|----|--|----------------|--------------------|
| Tarikh | | Aktiviti | Pemilik Proses | Status Pelaksanaan |
| Isnin | 21 | Pestaniaga Commerce Week 2025 | JP | |
| | 21 | Audit Dalaman EKSA Siri 1/2025 | UJK | |
| | 21 | Audit Dalaman PK&K | UJK | |
| Selasa | 22 | Bengkel Tindakan Kecemasan | KESELAMATAN | |
| | 22 | Sambutan Hari Bumi/Hijau | SMARTGREEN | |
| | 22 | Mesyuarat Jawatankuasa penasihat Industri (IAC) | CISEC & CoT | |
| Rabu | 23 | Lawatan ke Loji Rawatan Kumbahan di Kuching (IEEP) | JKA | |
| | 23 | Program Cipta Niaga | JTMK | |
| | 23 | The Magic of Storytelling :Sharing Wisdom, Empowering Communities 2025 | JPA | |
| | 23 | International Youth Showcase 3, PolyTalent 17 & Project Runway 8 | JSKK | |
| | 23 | Jom Baca 10 Minit | PERPUSTAKAAN | |
| | 23 | Program Earth Hour | SMARTGREEN | |
| | 23 | Mesyuarat JKICTPKS Bil.1/2025 | UICT | |
| | 23 | Kursus Pengurusan Aset Kerajaan (Aset Tak Alih) Bersama Cawangan Perancangan Aset Bersepadu JKR Malaysia | UPS | |
| Khamis | 24 | Program Bimbingan Usahawan SISWA | KEUSAHAWANAN | |
| | 24 | Kempen Pengurangan Carbon Footprint | SMARTGREEN | |
| Jumaat | 25 | Industrial Skill Development 15.0 - BPC | JKPK | |
| | 25 | Bengkel Misi Skor A Engineering Mathematics 2,CAA Formula Pro,ProSolve in Dismat | JMSK | |
| | 25 | Pitch It Right | JPA | |
| | 25 | Pengumuman Best Room Award 2025 | UPA | |
| | 25 | POLIKU Research & Innovation Exhibition (PRIEx) | UPIK | |
| | 25 | Kursus Pengurusan Aset Kerajaan (Aset Tak Alih) Bersama Cawangan Perancangan Aset Bersepadu JKR Malaysia | UPS | |
| | 25 | Taklimat Latihan Industri 2 Pelajar Sesi 2:2024/2025 PKS | UPLI | |
| Sabtu | 26 | Uniform Combine Exercise 2025 (UniCombEx 2025) | JSKK | |
| | 26 | Bengkel Kecergasan Pelajar | PERPUSTAKAAN | |
| Ahad | 27 | | | |
| Isnin | 28 | | | |
| Selasa | 29 | Poliku Research & Innovation Exhibition (PRIEx) Sesi II :2024/2025 | JKE | |
| | 29 | Program Cakna Minda : Memperkasa Jati Diri & Kepimpinan | UPPSI | |
| Rabu | 30 | Perkongsian Ilmu Pemetaan Digital Menggunakan UAV -VTOL bersama SALCRA (IEEP) | JKA & CoT | |
| | 30 | Semarak Syawal @PKS | JHEP | |
| | 30 | Aktiviti Pemantauan Capaian Internet di Asrama Lelaki, Perempuan dan Perpustakaan | UICT | |

| PETUNJUK | | |
|----------|-------|---------------------------|
| PETUNJUK | WARNA | JUMLAH STATUS PELAKSANAAN |
| LAKSANA | Green | 42 |
| TANGGUH | Blue | 13 |
| BATAL | Red | 0 |
| JUMLAH | | 55 |

www.poliku.edu.my



polikuchingsrwk